


Novel Politik

# TEMBOLOK



0.28  
HA

Dharmala NS

Novel Politik

# TEMBOLOK

Dharmala N S

Melalui untuk  
YAB Dato' Seri Dr Mahathir  
Perdana Menteri Malaysia

Melalui Seal.

Dharmala NS  
9/04/02.



PUSTAKA PERDANA



1002957



---

# Prakata

---



Laporan 'Penal Hadiah Karya Sastera 1974' dalam membuat pemilihan ke atas 10 buah cerpen yang layak diberi hadiah dalam satu upacara disampaikan oleh Perdana Menteri ketika itu (Allahyarham) Tun Abdul Razak bin Dato' Hussain menyebut dalam laporan mereka:

*"...Satu perkembangan yang menarik pula ialah pemilihan tema binatang oleh banyak penulis. Tetapi yang berjaya hanyalah 'HARUAN' oleh Dharmala N S kerana kecekapannya menguasai subjeknya. Cerpen lain gagal kerana binatang-binatang mereka lebih mendekati manusia dengan tidak mempunyai sifat-sifat binatang yang menjadi subjek mereka*

Dalam fokus terhadap sastera Malaysia 1975 'Berita Harian' kritikawan Ilias Zaidi pula menulis: *"... Pada tahun 1975, kita perhatikan bahawa Dharmala begitu gemar menyorot kejiwaan binatang. Menurut Ilias Zaidi seterusnya kriteria pemilihan yang dibuat kepintarannya menonjolkan subjek kejiwaan binatang itu.*

Malah setakat ini belum lagi tersua karya sastera di Malaysia yang menyorot kejiwaan binatang, selain yang dihasilkan oleh pengarang ini. Bagaimana pun kami beranggapan karya kejiwaan binatang yang digarap oleh pengarang ini dalam novel terbarunya berjudul 'TEMBOLOK' tidak sekadar cerita biasa, tetapi mengangkat tema pergolakan politik terkini seperti ditegaskan oleh T S Elliot:

*"...Moral dan fikiran adalah unsur terpenting manusia bagi membezakannya daripada haiwan. Kesusasteraan bukan semata-mata ekspresi individu tetapi adalah kritikan kehidupan, tegasnya bukan untuk keindahan seni sahaja, sebaliknya bagi kesejahteraan hidup manusia..."*

Antologi cerpen pengarang ini yang diterbitkan Berita Publishing Sdn. Bhd., 1997 juga merupakan kumpulan 10 buah cerpennya yang menyorot kejiwaan binatang di samping kemahirannya bermain dengan bahasa seperti disebut oleh Shahnnon Ahmad (Utusan Zaman, 8 Ogos 1976): *"...Dharmala mempunyai kepintaran yang khusus memberi nyawa kepada bahasanya, tetapi sebuah cerpen bukan sekadar keahlian bercerita atau kepintaran bermain dengan bahasa."*

Dalam pemerhatian kami lewat karya-karya pengarang ini sejak 'Lembah Tercinta' (1979), 'Jejak Pulang' (1979), 'Jurangan' (1987), 'Ketulahan' (1989) dan cerpen-cerpennya adalah kritikan sosial yang keras menjurus kepada kemelut politik Melayu. Dalam 'Lembah Tercinta' misalnya amat jelas terpancar melalui dialog watak Pak Parjo yang diulang beberapa kali: *"Kalau aku mati kerana peluru, bukan aku cintakan peluru; kalau aku mati kerana bangsa dan tanah airku, sesungguhnya aku cintakan bangsa dan tanah airku."*

Penonjolan pemikiran politik pengarang ini tidak terbatas kepada karya novel atau cerpen sahaja, malah meliputi puisi dan drama. Karya teater terpentingnya 'Bila Senja Mengepak Tiba' ketika dipentaskan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 31 Januari 1976 seperti ulasan Yaakob Dasan (Utusan Zaman, 8 Februari 1976) menyebut:

*"...Membela keadilan dan mewujudkan keamanan adalah di antara mesej utama yang terkandung dalam drama 'Bila Senja Mengepak Tiba' yang dipentaskan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 31 Januari lalu. Drama hasil karya Dharmala N S, yang kemudian diarahkan pementasannya oleh pengerusi Angkatan Kesenian Aneveseri Kuala Lumpur (Angkasa) Shafie Ibrahim memberi gambaran tentang keadaan hidup masyarakat Melayu tradisional yang terdapat di negara kita...."*

Justeru novel 'TEMBOLOK' adalah garapan pemikiran sasterawan ini mengenai kejiwaan binatang yang memastikan 'tembolok' masing-masing perlu diisi dengan apa cara sekali pun,

hatta menyingkirkan kawan atau lawan! Kekuatan fizikal menjadi asas dalam persekitaran binatang dalam usaha mereka mengisi 'tembolok', kerana semangat melawan sahaja tidak sejajar apabila berhadapan dengan 'mahkamah hukum alam'.

Menelusuri novel 'TEMBOLOK' ternyata kita melihat keserasian pengarangnya dalam gaya kepintaran bermain bahasa dan penojolan konflik kejiwaan binatang di dalam kelompok 'ternaksia-sia'. Mereka cuba membebaskan diri daripada belenggu ternaksia-sia, tetapi kekuatan fizikal yang tidak seimbang menjadi penghalangnya. Keegoan 'bapak tua' yang mahu berterusan menguasai ternaksia-sia sekadar mahu mengisi 'tembolok' sekenyang-kenyangnya, dan bukan mahu membebaskan diri daripada belenggu tersebut.

Di tengah keegoan 'bapak tua' inilah muncul 'Si Borek' menawarkan diri mengajak warga ternaksia-sia keluar dari belenggu maha dahsyat, tetapi berakhir dengan tragedi apabila keseimbangan kekuatan fizikal tidak setara. Warga ternaksia-sia dapat memberi penilaian 'bapak tua' sekadar berligar di tengah kelompoknya dengan kokok berderai-derai tetapi ekor bergelumang tahi, demi mengisi tembolok suku sakat yang mengekorinya.

Perwatakan kejiwaan binatang memang tidak asing kepada sasterawan ini, dengan keseluruhan cerpen-cerpen bertema binatangnya adalah berdasarkan konflik dalaman. Keberkesanan pengarang mencerna perlukisan konflik dalaman ini memang sudah teruji melalui cerpen 'Rakit'nya yang memenangi anugerah utama 'Hadiah Cerpen Esso-Gapena' bagi tahun 1981 seperti diungkapkan oleh penal penilainya:

*"...Cerpen 'Rakit' mempunyai kekuatan dalam sifatnya yang amat padat dan simbolis. Pemilihan latar sungai dan rakit agak tepat dengan persoalan yang amat simbolis tentang pemisahan antara anak dengan bapa, dan di antara dua kelompok masyarakat dari satu ikatan keagamaan yang sama seperti berlainan gurunya. Persoalan pemisahan juga turut terpancar dalam hubungan dengan kejiwaan seorang suami dan isteri..."*

Kekuatan dalam sifatnya yang amat padat dan simbolis ini juga dapat kita lihat digarap lewat novel **TEMBOLOK**, iaitu di antara pertembungan nilai keegoan 'bapak tua' dan keberanian 'Si Borek', kejaguan 'Si Jalak' dan kepintaran 'Si Denak', di samping kesetiaan 'Si Bemban' dan ketelusan si induk. Sekali pun Dharmala dianggap sudah lama tidak menulis novel, tetapi keunggulannya tetap tahan diuji seperti disebut pengkritik Ramli Isin dalam Utusan Zaman 24 Julai 1983 apabila menyorot cerpen-cerpen dalam akhbar mingguan berkenaan:

*"...Pernyataan berhasil itu bukan dapat dianggap bernilai tinggi atau bernilai rendah atau melebihi nilai atau keberhasilan sebuah cerpen lain (selagi kita tidak melakukan sesuatu analisis bandingan). Mungkin sahaja cerpen 'Ketulahan' Dharmala N S ini dianggap lebih tinggi mutunya oleh seorang kritikan (mungkin bukan saya) kalau dibandingkan dengan cerpen Shahnnon Ahmad 'Kalau Ibu Sampai Takah Tiga'. Namun di sini saya tidak akan sampai ke tahap bandingan..."*

Justeru kepengarangan sasterawan ini dari kaca mata pengkritik, adalah asset untuk kita menilai pencernaan pemikiran beliau seterusnya dalam karya-karya sastera di Malaysia. Malah setakat ini Dharmala merupakan satu-satunya sasterawan yang mampu menggarap konflik kejiwaan binatang seperti tanggapan 'Penal Hadiah Karya Sastera 1974', beliau berjaya membawa pembicaraan langsung mendekati binatangnya.

**Zakaria Bidin**

*Penerbit*